

Malaysia mahu jadi pusat serantau TAIN

22 SEP 2002
Daripada M THILLINADAN

COPENHAGEN: Malaysia menawarkan diri menjadi pusat serantau Rangkaian Maklumat Trans Asia (TAIN), satu usaha Asean dalam Mesyuarat Asia Eropah Keempat (Asem 4) yang bermula di sini, hari ini.

Jika tawaran Malaysia diterima semua 25 negara anggota Asem, TAIN akan diletakkan di bawah Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia dengan pejabatnya di Kuala Lumpur.

TAIN dijangka menjadi pengiktirafan besar kepada keupayaan Koridor Raya Multimedia (MSC) sebagai pusat sumber dan penyebaran maklumat di rantau Asean dan menjadikan Malaysia pusat teknologi maklumat terulung di Asia Tenggara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyampaikan tawaran Malaysia ketika pemimpin 10 negara Asia dan 15 pemimpin Eropah bertemu di sini, esok.

Asem dianggotai 10 negara Asia - Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darussalam, Filipina, Vietnam, Thailand, Korea Selatan, Jepun dan China serta 15 anggota Kesatuan Eropah (EU) dan Suruhanjaya Eropah (EC). Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak, yang mengetuai perwakilan Malaysia pada mesyuarat peringkat pegawai kanan (SOM) hari ini, berkata

perbincangan lanjut mengenainya akan diadakan dengan Perancis dan Korea Selatan. Korea Selatan adalah pusat serantau Rangkaian Maklumat Utara Asia manakala Perancis bagi Eropah. Jika dipersetujui, Kuala Lumpur, Seoul dan Paris akan membentuk segi tiga rangkaian maklumat dalam Asem.

Selain itu, Ahmad Fuzi berkata, Malaysia akan memaklumkan Asem 4 pencapaiannya berhubung usaha Institut Asia Eropah yang akan ditubuhkan di Universiti Malaya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas menghadiri mesyuarat SOM pertama, Ahmad Fuzi berkata, SOM Asia pagi ini membincangkan beberapa agenda utama Asem.

Kenyataan Pengerusi yang merangkumi Deklarasi Mengenai Keganasan: Inisiatif Keamanan dan Usaha Memerangi Keganasan serta Deklarasi Keamanan Semenanjung Korea, yang menjadi agenda utama pada Asem 3 di Korea Selatan pada 2000. "Dalam jamuan kerja yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Denmark, Anders Fogh Rasmussen, untuk semua pemimpin negara anggota Asem esok, mereka dijangka membincangkan isu pertindihan wilayah di Asia Tenggara keamanan Semenanjung Korea, kerjasama Asean + 3 dan pembesaran EU," katanya.

Sementara itu, Dr Mahathir yang dijangka tiba di sini, petang esok, akan menyertai ketiga-tiga dialog tertutup merangkumi topik

politik, ekonomi dan kebudayaan. Dalam dialog politik bertajuk, Kesan Peristiwa 11 September dan Isu Keselamatan Baru - pemimpin dijangka membincangkan masalah keganasan, jenayah merentasi sempadan, masalah pendatang haram dan Iraq.

Ahmad Fuzi berkata, Malaysia akan membangkitkan masalah pendatang tanpa izin yang dihadapi negara berikutan pengenalan undang-undang baru yang mengenakan hukuman penjara dan sebatan terhadap mereka yang tinggal secara haram, khususnya masalah pendatang tanpa izin Indonesia dan Filipina. Dalam dialog ekonomi bertajuk, Kerjasama Ekonomi: Ekonomi Serantau dan Keutamaan Kewangan dalam Konteks Ekonomi Global Semasa - isu yang akan dibincangkan ialah kerjasama ekonomi dan pembukaan pasaran negara anggota, globalisasi dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Dialog kebudayaan akan merangkumi izin pendidikan (e-pembelajaran), pembangunan sumber manusia, alam sekitar, pembangunan ekonomi dan masalah sosial.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ah, akan mengadakan perbincangan dua hala dengan beberapa pemimpin Eropah, termasuk Presiden Perancis, Jacques Chirac; Perdana Menteri Itali, Silvio Berlusconi dan Presiden Suruhanjaya Eropah (EC), Romano Prodi.